

21 APR 1998

Zaharah-Pekerja

PEMBUANGAN PEKERJA: WANITA UMNO JUMPA MAJIKAN

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Wanita Umno akan mengadakan perbincangan dengan majikan yang menghentikan pekerja wanita bagi memastikan golongan terbabit mendapat pembelaan sewajarnya.

Ketuanya Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman hari ini berkata pergerakan itu mengambil berat pembuangan pekerja wanita kerana ada laporan mengatakan pekerja20terbabit diberhentikan tanpa sebab munasabah.

"Majikan juga tidak sepatutnya mengamalkan sikap memilih jantina apabila memberhentikan pekerja mereka," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Keselamatan Di Rumah.

Zaharah yang juga Timbalan Menteri Kesihatan berkata, Wanita Umno juga akan meminta bantuan Kementerian Sumber Manusia bagi menyiasat jumlah sebenar wanita yang telah diberhentikan.

"Data terperinci yang akan dikumpulkan oleh Kementerian Sumber Manusia penting bagi membolehkan Wanita Umno merancang program bantuan kepada wanita terbabit secara berkesan," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Zainal Rampak semalam yang mendakwa lebih 65 peratus daripada 20,000 pekerja yang diberhentikan sejak kegawatan ekonomi awal tahun ini adalah wanita, kebanyakannya di sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Menurut Zainal, MTUC menerima aduan daripada pekerja wanita terbabit yang mendakwa surat pemberhentian kerja yang diberikan oleh majikan tidak menyatakan dengan jelas mengapa mereka diberhentikan.

Ketika ditanya mengenai perkembangan skim Amanah Saham Wanita yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 5 Mei ini, Siti Zaharah berkata Wanita Umno dimaklumkan bahawa skim itu akan mendapat kelulusan rasmi daripada Suruhanjaya Sekuriti pada minggu ini.

Menurut beliau skim anjuran Wanita Umno dan Wanita Barisan Nasional (BN) dengan dana permulaan sebanyak RM500 juta bertujuan memberi ruang kepada wanita20untuk menabung dan membeli saham.

--BERNAMA

NY MAI